



**ARAHAN TETAP PENGARAH
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR**

PEKELILING PENTADBIRAN BILANGAN 3 TAHUN 2012

PERATURAN MENGENAI TEMPOH EDARAN MINIT MESYUARAT

TUJUAN

1. Surat Pekeliling ini bertujuan menyampaikan keputusan Jabatan mengenai kewajipan mengedarkan minit mesyuarat dalam tempoh tiga (3) hari bekerja dari tarikh mesyuarat diadakan.

LATAR BELAKANG

2. Dalam usaha memastikan sistem penyampaian maklumat yang berkesan, penyediaan minit mesyuarat dalam tempoh masa yang ditetapkan perlu diberi keutamaan. Minit mesyuarat menjadi bahan rujukan, tindakan susulan, pelaporan semula untuk mesyuarat akan datang dan berfungsi sebagai bukti rasmi salah satu punca kuasa atas sebarang arahan kerja oleh Jabatan.

PERATURAN YANG HARUS DIPATUHI

3. Semua **Bahagian** di JAIS termasuk **PAID, ILDAS** dan **Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah DIMESTIKAN** untuk menyediakan dan mengedarkan minit mesyuarat utama masing-masing dalam tempoh **tiga (3) hari bekerja** dari tarikh mesyuarat diadakan.

TARIKH KUATKUASA

4. Surat Pekeliling ini berkuatkuasa serta merta mulai tarikh ianya dikeluarkan.

"BERKHIDMAT KERANA ALLAH UNTUK NEGARA"

(DATO' HAJI MARZUKI BIN HUSSIN)

D.S.I.S, S.M.S, A.M.N, P.J.K

Pengarah

Jabatan Agama Islam Selangor

Tarikh: 12 Jun 2012